

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2012-2013
DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Rasional / Objektif	Keterangan Ringkas
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi		
JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN						
1	Melaksanakan PBD ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan Perkhidmatan Pengurusan		✓		Meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan setanding piawaian antarabangsa, disamping memberi lebih keyakinan kepada pihak-pihak yang berkepentingan (stakeholders) terhadap perkhidmatan yang dipertanggungjawabkan.	ISO 9001:2008 adalah salah satu projek utama ke arah pembaharuan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh jabatan ini pada tahun 2010. Projek ini adalah usaha jabatan dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada agensi awam, dan mendapat pensijilan serta pelaksanaan projek PBD ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti dalam Perkhidmatan Awam.
2	Garis panduan Pelaksanaan No Wrong Door Policy - NWDP	✓			Objektif memperkenalkan pendekatan NWDP untuk: - Menerapkan sikap pemedulian dan mengeneipkan sikap kurang prihatin dalam diri setiap individu terutama mereka yang bertugas di bahagian kaunter (front desk officer and staff); - Menyahut hasrat kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sentiasa mempertingkatkan komitmen dan kesungguhan pihak kerajaan terhadap pemberian perkhidmatan yang bertersakan pelanggan melalui usaha sepadu, responsif, berangkaian serta mementingkan kordinasi antara agensi kerajaan; - Memudahkan orang ramai berurusan dengan kerajaan dan juga mengelakkan orang ramai tercari-cari maklumat yang diperlukan tanpa hala tuju yang tidak pasti; Merapatkan lagi hubungan antara agensi kerajaan dengan para pelanggan masing-masing disamping meningkatkan kepuasan hati dan menjurus kepada pemberian perkhidmatan kelas pertama.	Garis panduan ini merupakan inisiatif MSD sebagai salah satu usaha yang diamanahkan dalam memperkenalkan apa jua pembaharuan dan penambahbaikan dalam PA di Negara ini. Garis panduan telah disediakan pada tahun 2012 yang diantaranya mengandungi perkara-perkara berikut: i. Pendekatan NWDP menangani keperluan orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan dari agensi kerajaan melalui tiga saluran (channel) berikut: Perkhidmatan Kaunter /Walk-in - melayan pelanggan yang datang ke kaunter bagi mendapatkan perkhidmatan sama ada berbentuk permohonan dan pertanyaan. Panggilan telefon - hendaklah dijawab dengan ramah, berhemah dan proaktif, bersedia menjawab sebarang pertanyaan, permasalahan dan keraguan pemanggil. Internet melalui email - sebarang email yang diterima seboleh-bolehnya direspon dengan seberapa segera (selewat-lewatnya 2 hari) dengan memberikan maklumat-maklumat yang tepat dan relevan kepada pengirim email berkenaan. ii. Kriteria/ciri NWDP: Participating providers - merangkaumi serangkaian agensi yang memberikan perkhidmatan yang sama atau ampir sama. Perkhidmatan berintegrasi (Integrated

					<p>Service) - pengalaman pelanggan yang mendapatkan pelbagai perkhidmatan yang melibatkan lebih dari satu agensi tanpa duplikasi dari segi penyediaan maklumat peribadi, melengkapkan pelbagai borang bagi mendapatkan satu jenis</p> <p>permohonan dan menerima pendapat satu jenis permohonan dan menerima pendapat atau maklumat yang bercanggah dari agensi-agensi yang ditanyakan.</p> <p>Sebolehnya, agensi pertama yang menerima pelanggan akan dapat melayani segala permohonan dan mengelakkan dari pelanggan mengunjungi sebuah agensi ke sebuah agensi yang lain untuk mendapatkan perkhidmatan.</p> <p>Perkhidmatan Proaktif - bilamana participating providers menawarkan perkhidmatan di luar dari permintaan pelanggan.</p> <p>Berkolaborasi (Working Collaboratively) - memfokuskan kepada pemberian perkhidmatan yang terbaik melalui kerjasama padu di kalangan participating providers untuk mencapai hasil yang dipersetujui.</p> <p>Agensi Penerima - ialah petugas/agensi utama menerima pelanggan yang mmbuat permohonan atau pertanyaan bagi sebarang perkhidmatan. Antara tanggungjawab ialah melayani permintaan pelanggan dari porses menerima permohonan sehingga permohonan diluluskan. Akan tetapi, peranan Agensi Penerima boleh berpindah kepada agensi lain (yang kedua) sama ada atas permintaan pelanggan berkenaan atau pun atas persetujuan bersama agensi kedua dan pelanggan berkenaan.</p> <p>iii. Mekanisme pelaksanaan NWDP:</p> <p>Membuat penyelarasan dan kolaborasi dengan participating providers yang memberikan perkhidmatan yang serupa;</p> <p>Membuat inisiatif yang mendokong pelaksanaan NWDP seperti:</p> <p>Ø Call Centre bagi memudahkan orang ramai untuk mendapatkan apa jua jenis perkhidmatan dari agensi kerjaan. Call centre ini akan menyelaras dan memusatkan perkhidmatan hotline, kaedah dan pelaksanaan NWDP.</p> <p>Ø One-Stop Service Centre/pusat sehenti dengan memusatkan perkhidmatan tertentu di suatu tempat yang mudah untuk diakses orang ramai dan tempat pertanyaan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai;</p> <p>Ø Tempat mengambil dan menghantar borang;</p> <p>Ø Tempat mendapatkan kelulusan dan segala urusan yang berkaitan perkhidmatan agensi kerjaan.</p>
3	Revisit Fokus dan strategi pelaksanaan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 (WPA21) Sejajar dengan Wawasan 2035	✓		<p>Di antara objektif revisit adalah untuk:</p> <p>a. Meneliti dan menilai semua tiga (3) fokus WPA21 supaya sejajar (align) dengan Wawasan Brunei 2035 dan mana-mana dasar kerajaan yang menjurus ke arah peningkatan produktiviti dan prestasi Perkhidmatan Awam secara menyeluruh.</p> <p>b. Menyediakan dan mengemaskinikan Conceptual/Intergration strategi pelaksanaan WPA21 melalui usaha-usaha Pentadbiran dan Pengurusan di dalam Perkhidmatan Awam.</p> <p>c. Membuat perbandingan dengan wawasan negara lain seperti Singapura (PS21), United Kingdom dan Australia supaya Perkhidmatan Awam negara ini setaraf dengan kecemerlangan Perkhidmatan Awam negara luar.</p>	<p>WPA21 telah diperkenalkan dalam PA pada tahun 2000 dan MSD dipertanggungjawabkan sebagai urusetia bagi membantu keberkesanan pelaksanaannya. Wawasan PA21 ialah 'Untuk menjadikan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang sentiasa membangun dan berusaha dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam dalam persekitaran yang sihat dan selamat di bawah inayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wara'ala.</p> <p>Skop visit ialah penelitian semua fokus (dasat, struktur organisasi dan pelakuan organisasi) dan strategi pelaksanaan dengan mensejajarkan ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035 dan lain-lain dasar berkaitan sama ada dalam dan luar negara.</p>

4	"E-Maklumat" (Projek KKC Tahun 2012)		✓	Objektif projek ialah untuk mempercepatkan proses mendapatkan maklumat.	<p>Projek ini telah dilaksanakan dalam tahun 2012 melalui kerja berpasukan KKC (Kumpulan Al-Mujaddid)</p> <p>Projek ini diperkenalkan bagi mengatasi masalah kelambatan dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk di jadikan rujukan dalam menyediakan kertas kerja/ keperluan info untuk mesyuarat dan seumpamanya. Disamping mengemaskini hub maklumat Jabatan ini</p> <p>Hasil percambahan fikiran, kumpulan ini telah dapat mengenalpasti penyelesaian kepada masalah berkenaan dengan memperkenalkan E-Maklumat. Fokus projek ialah maklumat berkaitan Titah KDYMM bagi tahun 2010 - 2012; Jurnal CAPAM (pilihan info); Laporan Persidangan ACCSM (kertaskerja Negara-negara ASEAN); projek ACPA; bahan/laporan selepas berkursus dalam dan luar negeri; dan senarai buku baru</p> <p>'E-Maklumat' merupakan sistem berkomputer yang mengandungi maklumat yang disenaraikan di atas dengan mengkategorikan maklumat tersebut kepada katebori tertentu bagi memudahkan pegawai/kakitangan mencari maklumat yang diperlukan.</p>
5	"Pesekitaran Pejabat Yang Kurang Memuaskan" (Projek KKC Tahun 2013)		✓	Objektif projek ialah untuk mewujudkan satu mekanisme yang boleh membantu meningkatkan tahap persekitaran pejabat menjadi lebih baik dengan menyediakan peraturan dan Manual Prosedur Kerja (MPK)	<p>Projek ini telah dilaksanakan dalam tahun 2013 melalui kerja berpasukan KKC (Kumpulan 360 Degree)</p> <p>Projek ini adalah berkaitan dengan masalah persekitaran pejabat yang kurang kemas, memerlukan perhatian serta penambahbaikan. Jika tidak diambil tindakan akan memberikan operasi pejabat terganggu dan kurang efisien; dan juga boleh menimbulkan isi kesihatan dan keselamatan warga Jabatan ini.</p> <p>Disamping itu, projek ini penting bagi MSD kerana:</p> <p>Dapat merealisasikan salah satu maklumat strategik dalam perancangan strategik jabatan bagi tahun 2013-2017 iaitu untuk mendapatkan persekitaran pejabat yang kondusif dan selamat</p> <p>Sebagai satu peluang bagi jabatan ini untuk menggunakan kaedah penyelesaian yang dapat diadaptasi dan dipraktikkan ke kementerian / jabatan lain; dan Membantu Warga MSD menjadi lebih berdisiplin, beretika dan bersemangat berpasukan untuk menghasilkan prestasi kerja yang lebih baik.</p> <p>Bagi menangani masalah yang dihadapi, kumpulan ini telah memperkenalkan kaedah Amalan 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal) seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seiri (Sisih) - Mengasingkan barang-barang yang tidak diperlukan di tempat kerja dan membuangnya; - Seiton (Susun) - Susun barang-barang yang diperlukan dengan teratur supaya iaanya mudah diambil dan digunakan; - Seiso (Sapu) - Bersihkan tempat kerja dengan rapi supaya tiada habuk di atas lantai, mesin dan perkakas; - Seiketsu (Seragam) - Memelihara taraf penjagaan kebersihan tempat kerja yang tinggi pada setiap masa ; dan - Shitsuke (Setiasa Amal) - Melatih pekerja mematuhi peraturan penjagaan kebersihan yang baik dengan sendirinya.

6	Pengumpulan titah-titah KDYMM tahun 2013	✓		<p>Di antara objektif ialah untuk mengumpul titah-titah KDYMM sepanjang tahun 2013 bagi dijadikan sebagai sumber rujukan dalam menyediakan kertas cadangan dan seumpamanya.</p>	<p>Pengumpulan titah-titah KDYMM ini merupakan kerja berterusan oleh Jabatan ini.</p> <p>Titah-titah diperolehi dari Pelita Brunei dan juga melalui internet.</p> <p>Titah yang dikumpulkan dikategorikan mengikut kategori dihadapkan ke Bhg ICT untuk dimuatkan ke dalam sistem E Maklumat</p>
7	Menyediakan Perancangan Strategik Jabatan Perkhidmatan Penurusan, 2013 - 2017	✓		<p>Menyediakan peta hala tuju Jabatan bagi tempoh lima tahun selaras dengan tema strategik Jabatan Perdana Menteri iaitu memodenkan Perkhidmatan awam dan Mempromosi Imej Kerajaan Efektif dan Prihatin.</p> <p>Perancangan Strategik (PS) ini disediakan sebagai satu perancangan dalam menghadapi cabaran dari segi senario perubahan persekitaran seperti:</p> <p>Arus globalisasi yang menghendaki Perkhidmatan Awam sentiasa peka dan responsif dengan kesan dari globalisasi seperti kehendak dunia kini dan akan datang, tidak ada sempadan, serba canggih, moden dan pantas telah memperagaruhi cara berfikir, bekerja, berinteraksi di antara satu dengan lain;</p> <p>Ekspektasi yang semakin meningkat berikutan keadaan negara yang semakin pesat membangun dan peningkatan tahap pendidikan rakyat yang seterusnya menaruh harapan tinggi terhadap kualiti perkhidmatan;</p> <p>Fakta ekonomi dan cabaran sosial dari segi apabila kadar pertumbuhan ekonomi negara tidak dapat mengimbangi kadar pertumbuhan ekonomi bilamana sektor minyak yang selama ini menumbang kepada kemakmuran negare dan rakyat tidak lagi mampu menyumbang;</p> <p>Kemajuan dan kepesatan teknologi infu-komunikasi (ICT) telah membawa perubahan cara bekerja dan cara perniagaan. Ini menghendaki rombakan besar dan penelitian semula yang menyeluruh ke atas sistem, proses dan prosedur yang juga membawa agenda transformasi dan perekayasaan perlu dilaksanakan kepada proses kerja secara menyeluruh dan berterusan terhadap Perkhidmatan Awam.</p>	<p>Pranan MSD:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memprkenalkan inovasi/pembaruan/pembaikan pengurusan. - Konsultan dan pemudah cara - Inspektorat dan penbiktirafan - Penyelidikan dan perkembangan <p>Pihak berkepentingan dan pelanggan MSD.</p> <p>Cabaran luaran dan dalaman</p> <p>Agenda perubahan dan kaitanya ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 dan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 Negara Brunei Darussalam.</p> <p>Visi/Misi/Moto MSD</p> <p>Nilai-nilai Utama (Stratgeik/Integriti/Profesional dan Cemerlang)</p> <p>Penjelasan mengenai empat (4) Teras Strategik Jabatan iaitu Reformasi Perkhidmatan Awam; Pemantapan Sisitem Pemantauan, Inspektorat dan Pengiktirafan; Pemantapan Khidmat Konsultansi dan Penyelidikan; Promosi dan Penyebaran Maklumat Reformasi Perkhidmatan Awam.</p> <p>Peta Strategi MSD 2013-2017 yang mengandungi penerangan mengenai Visi, Misi, Teras Strategik, Perspektif, Pihak Yang Berkepentingan/ Pelanggan, Proses Dalaman, Pembelajaran dan Pembangunan dan Kewangan</p> <p>Peta Stratei 2013-2017 juga menjelaskan mengenai Objektif, Keterangan Objektif dan KPIs serta sasaran yang akan dicapai dalam tempoh lima tahun.</p>
8	Pembukuan Dokumen TPOR Agensi Kerajaan	✓		<p>Kerajaan lebih tekus (transparent) disamping untuk mendapatkan perkhidmatan</p> <p>Kaedah bagi mempermosikan TPOR agensi-agensi Kerajaan</p>	<p>Pengumpulan diterbitkan dalam beberapa bahagian dan agensi kerajaan yang banyak berurusan dengan orang ramai.</p> <p>Bahagian I-23 agensi</p> <p>Bahagian II- 19 Agensi</p>
9	Kaji Selidik TPOR dan Pengurusan Sistem	✓		<p>Mengenalpasti status pelaksanaan TPOR agensi-agensi Kerajaan</p> <p>Mengenalpasti sistem-sistem pengurusan yang digunakan (mulai 2014)</p>	<p>Kaji Selidik ini dibahagikan kepada 2 bahagian:</p> <p>i. A - Status terkini pelaksanaan TPRO di agensi Kerajaan</p> <p>ii. B - Kenalpasti sistem-sistem pengurusan yang digunakan oleh agensi Kerajaan.</p>
10	Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan dalam Perkhidmatan Awam (KSTP) 2013	✓		<p>Mengetahui tahap kepuasan hati pelanggan</p> <p>Mengetahui tahap perpesi pelanggan terhadap kualiti pemberian</p> <p>Mendapatkan pandangan/cadangan daripada pelanggan</p>	<p>Sasaran: Jabatan yang banyak berurusan dengan orang ramai serta jabatan yang telah dilaksanakan pengauditan</p> <p>Skop: Pelanggan Jabatan</p> <p>Fokus : 3 iaitu Persekitaran, Interaksi; dan Kemudahan dan keterampilan</p> <p>Jumlah agensi: 43 yang dikenal pasti</p> <p>Kekerapan kaji selidik: Setiap tahun mulai 2011</p>
11	Pengauditan TPOR dan MPK terhadap perkhidmatan berkaitan pembayaran di Kementerian-kementerian (Audit Pembayaran)	✓		<p>Tahap pencapaian TPOR dan MPK</p> <p>i. Peratus menepati TPOR TPOR</p> <p>ii. Konsistensi pelaksanaan proses kerja</p> <p>iii. Purata tempoh masa yang diambil oleh setiap kementerian</p> <p>Mengetahui sebab kelambatan</p> <p>Mencadangkan penambakan TPOR & MPK</p> <p>Menyediakan SOP bagi proses pembayaran</p>	<p>Skop melibatkan tuntutan sektor swasta di Kementerian-kementerian yang diterima dalam tempoh Jan hingga Feb 2013 bagi perkhidmatan memproses pembayaran daripada:</p> <p>i. Peruntukan berulang-ulang (khusus Kementerian proper sahaja)</p> <p>ii. Peruntukan khas (kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya)</p>

JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN					
12	Penyusunan Struktur Bahagian Pemasaran dan Perdagangan		✓	Unit Tempahan Cetak dari Kementerian-Kemeterian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya, Badan Berkanun termasuk Bahan Keagamaan untuk jualan kepada orang ramai, Unit Jualan Bahan Perundangan dan Unit Penghantaran diletakan di bawah kawalan Bahagian Jualan dan Pemasaran.	Memudahkan dan mempercepat proses tempahan dan pemantuan penyediaan. Memudahkan maklumat mengenai tempahan/pesanan cetak yang diterima Mudah mendapat maklumat dan maklumbalas jika ada sebarang pertanyaan dari pelanggan tentang bahan-bahan cetak mereka
13	Pembelian Peralatan Mesin Cetak, Mesin Jilid, dan Jentera Forlift (PK)		✓	Menggantikan peralatan yang telah berusia lebih 20/25 tahun Menambah Keupayaan perkhidmatan cetak dan penjilidan dengan menggunakan mesin-mesin yang terkini	One Unit B2 Two colour Offset One Unit B3 Two Colour Offset Printing Machine Complete with Numbering Unit One Unit Pie Turner One Unit Casemaker machine One Unit Wire 'O' Automatic Machine One Unit Forklift One Unit Additional Printing Tower Fir Web Offset Machine
14	Membina Bangunan Tambahan bagi Penempatan Peralatan Khas Keselamatan		✓	Percetakan Keselamatan adalah bagi membasmi kegiatan pemalsuan dan penyalagunaan dokumen penting kerajaan dengan membubuh rekabentuk yang mengandungi ciri-ciri keselamatan yang sukar untuk ditiru. Mewujudkan keupayaan dan kapabiliti Jabatan untuk merekabentuk dengan ciri-ciri keselamatan selaras dengan kehendak pawaiwan antarabangsa masakini dan tabir urus yang baik.	Kerja-kerja percetakan keselamatan dilaksanakan di bangunan yang ada sekarang. Tahap kawalan keselamatan sukar dibendung kerana kawasan operasi digunakannya dengan bahan-bahan yang lain.
15	Pembelian Peralatan dan Mesin untuk Cawangan Percetakan Keselamatan		✓	Pembelian peralatan yang bersesuaian untuk operasi Percetakan Keselamatan Pembelian Sistem Keselamatan Pra-Cetak (Pre-Press Security System) yang Khusus untuk Kerja-kerja rekabentuk berciri keselamatan. Sebanyak 12 buah peralatan telah dirancang untuk dibeli.	Diantara peralatan yang akan dibeli: One Unit Pre-Press security Printing Production System Complete with Accessories, Auxiliary Equipment and Other Services One Unit Narrow Web Printing Press with Numbering sixw A3 One Unit Two Colour Printing Press With Numbering Unit Size A3 One Unit Saddle Stitcher One Unit Folding Machine Size 78 One Unit Cutting Machine 115cm system One Unit Automatic Book Sewing Machine One Unit Gathering Machine One Unit Pile Turner One Unit Heavy Duty Die Cutting and Creasing Machine One Unit Automatic Perforating/Creasing Machine One Unit Automatic Puching Machine/Machinc al Binding Machine One Unit Battery Operated Forklift
16	Penggunaan Sistem Optical Identification Digital (OID) [SONIX OID AT Info Weaver] Version5.02.770.033b2		✓	Projek untuk Al-Quran Digital Kurnia Khas KDYMM sempena Hari Keputeraan KDYMM ke-67 Tahun	Peralatan PC dan Software dibekalkan oleh Pejabat KDYMM dan ditempatkan di Jabatan Percetakan Kerajaan. Penyelarasan dan Pengkodan dibuat oleh Pegawai dan Kakitangan Jabatan Percetakan Kerajaan

JABATAN PENERANGAN					
17	Menyusun dan menempatkan kakitangan sesuai dengan jawatan yang dipegang.	✓		<p>Objektif: Untuk memperbaiki sistem bekerja yang lebih teratur dan efisien Memastikan setiap kakitangan akan lebih fokus terhadap tanggungjawab yang diamanahkan Memberi keyakinan diri dalam melaksanakan sebarang tugas</p> <p>Rasional: Mematuhi peraturan bekerja mengikut GO dan FR</p>	<p>Beberapa jawatan seperti telefon operator dan penyambut tetamu telah ditugaskan sebagai kerani atau seumpamanya di bahagian dan unit yang tertentu.</p> <p>Oleh yang demikian penyusunan semula dibuat supaya pengawalan tugas setiap kakitangan dapat dipantau dengan lebih efisien</p>
18	Memperkenalkan "Point System" pembahagian tugas (assignment) khususnya bagi jurugambar dan pemberita.	✓		<p>Objektif: Untuk mengemaskinikan jadual pemberian assignment kepada jurugambar dan pemberita yang lebih sistematik Untuk mengurangkan permohonan elau lebih masa yang berlebihan</p> <p>Rasional: Adalah penting bagi jabatan untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan serta keselamatan kakitangan dijaga kerana jurugambar dan pemberita bertugas semasa dan luar waktu pejabat</p>	<p>Jrugambar dan pemberita merupakan salah satu kakitangan yang sangat penting bagi jabatan dalam menerbitkan Akhbar Rasmi Kerajaan, Buku-Buku, Poster dan seumpamanya.</p> <p>Sistem ini mula diperkenalkan pada tahun 2012</p> <p>Sebelum sistem diperkenalkan, beberapa isu telah dibangkitkan, antaranya ialah waktu rehat/ bercuti ahad dan jumaat yang tidak menentu. Ada kalanya jurugambar bertugas hingga seminggu, pembangian jadual kerja yang membebankan.</p> <p>Tuntutan lebih masa juga sangat tinggi jumlahnya sehingga pembayaran tertunggak kerana kehabisan peruntukan dan jabatan terpaksa membuat pindah peruntukan untuk membayar elau lebih masa tersebut.</p>
19	Memperkenalkan sistem bermeja bagi pegawai dan kakitangan di Bahagian Pelita Brunei	✓		<p>Objektif: Untuk meningkatkan cara bekerja yang lebih teratur dan efisien Meningkatkan mutu kerja Meningkatkan semangat bekerja secara berpasukan</p> <p>Rasional: Adalah sangat penting bagi Akhbar Pelita Brunei diterbitkan pada waktunya, dan ini adalah menjadi tanggungjawab setiap pegawai dan kakitangan</p>	<p>Visi Jabatan adalah ke arah maklumat berkualiti dan kecermerlangan imej dalam mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara.</p> <p>Ini dilaksanakan melalui penerbitan Akhbar Rasmi Kerajaan iaitu Pelita Brunei, salah satu produk utama jabatan.</p> <p>Jabatan mempunyai satu Bahagian yang khusus bagi penerbitan ini yang diketuai oleh Pegawai Penerangan Kanan (B3).</p> <p>Setiap meja diketuai oleh Pegawai Penerangan (B2EB3/B2) dan ahli-ahlinya terdiri daripada penyunting, Pemberita, Penyemak, Pereka, Jurutenik Foto. Setiap meja akan bertugas secara bergilir.</p>
20	Meningkatkan dan memperbaiki Program Serta Pelaksanaan Program "Personal Contact"	✓		<p>Objektif: Untuk memastikan program berjalan lancar Untuk memastikan isu-isu yang dibangkitkan semasa program dilaksanakan dapat ditangani dengan segera</p> <p>Rasional: Hubungan kerjasama kerajaan dengan pemimpin Akar Umbi adalah penting dalam Akar Umbi adalah penting dengan menanam benih kepercayaan dan kredibiliti kerajaan.</p>	<p>Sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan, Jabatan akan sentiasa mengadakan sua muka (personal Contact) dengan pemimpin akar umbi di keempat daerah</p> <p>Perjumpaan dibuar secara berjadual pada setiap bulan</p> <p>Isu-isu yang dibangkitkan semasa perjumpaan dihadapkan kepada agensi-agensi kerajaan.</p>
21	Penyusunan Semula Program-program Kenegaraan dan Kemasyarakatan Nota: Kenegaraan: - Perkampungan sivik - Taklimat Kenegaraan - Semarak Pengibaran Bendera - Seminar MIB - Rakan Remaja Penerangan (RRP) KEMASYARAKATAN : - Personal Contact - Awasi anak kitani - Masyarakat Bermaklumat - Ramadan Penerangan - Jalinan Mesra Penerangan	✓		<p>Objektif: Untuk memastikan kelicinan pelaksanaan program yang dirancang Untuk memastikan penghasilan program yang berkualiti</p> <p>Rasional: Adanya perancangan awal bagi program akan memudahkan pihak pengurusan menyediakan peruntukan dan lain-lain keperluan</p>	<p>Jabatan Penerangan melalui aktiviti-aktiviti Kenegaraan dan Kemasyarakatan, menyebarkan maklumat dan mendekati diri kepada pemimpin akar umbi dan anak buah kampung melalui program kemasyarakatan dan kenegaraan. Jabatan menjadi platform dua hala antara kerajaan dengan rakyat visi versa.</p>

22	Mempermosikan Mukim dan Kampong melalui Akhbar Pelita Brunei		✓	Menyebarkan maklumat mengenai kampong Mempermosikan usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan di kampong memperkenalkan product-product kampong Meningkatkan jalinan mesra antara agensi kerajaan dan rakyat	Promosi telah dibuat melalui penulisan rencana-rencana hasil daripada program personal contact yang turut disertai oleh Pemberita dan Jurugambar Jabatan
23	Menubuhkan Task Force bagi penerbitan dan pendedaran bahan terbitan Jabatan		✓	Untuk mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan penerbitan jabatan dan masalah pendedaran Membuat perancangan yang lebih strategik dalam meningkatkan kualiti, mutu, serta jumlah penerbitan Meningkatkan jumlah lokasi pendedaran bahan terbitan seperti Pelita Brunei dan lain-lain	Jabatan Melihat keperluan untuk mengadakan 'Task Force' ini kerana bahan-bahan terbitan jabatan adalah bahan sumber rasmi kerajaan. Ini adalah selaras dengan tugas dan fungsi jabatan serta perancangan Strategik jabatan dan memberikan maklumat kepada orang ramai Antara isu yang berbangkit dalam perkara ini ialah kelambatan penerbitan jabatan dihasilkan dan keperluan bagi meningkatkan jumlah dan lokasi pendedaran.
24	Rebranding' Jabatan Penerangan		✓	Objektif: - Meningkatkan imej baru jabatan dan perkhidmatan - Menanam rasa sayang dan 'sense of belonging' - Memudahkan orang ramai mengenali jabatan Rasional: - Jabatan perlu terus relevant dan mempelbagaikan program dan aktiviti sesuai dengan keperluan zaman global ini.	Antara perkara yang diambil tindakan ke arah ini ialah penggunaan warna kalbu (grey), merah dan putih bagi apa aktiviti jabatan sama ada banner, buku program, kereta jabatan dan lain-lain Kereta-kereta rasmi Jabatan menggunakan warna-warna yang sama Program lain termasuk mengadakan survey (kajian) kefahaman mengenai Jabatan Penerangan
25	Penggunaan Media Baru dan Media Sosial		✓	Objektif: - Untuk menyebarkan maklumat dengan lebih cepat dan berkesan - Untuk meningkatkan lagi orang ramai untuk mengenali Jabatan - Untuk sama-sama memastikan Jabatan menggunakan kemudahan teknologi IT masa kini.	Penggunaan media baru dan media sosial dilihat sebagai salah satu mekanisme terkini dalam penyebaran maklumat dan aktiviti Kerajaan Oleh itu Jabatan Penerangan mengambil inisiatif untuk mempergunakan sepenuhnya media baru dan media sosial seperti facebook, twitter dan instagram dalam menyebarkan dan mempromosikan maklumat dan aktiviti kerajaan dan jabatan.
26	Perancangan menilai semula (review) lokasi pendedaran Pelita Brunei		✓	Objektif: - Untuk memastikan lebih banyak khalayak dapat membaca Pelita Brunei - Memberi kemudahan orang ramai mendapatkan Pelita Brunei di lokasi-lokasi berhampiran Rasional: - Pelita Brunei adalah akhbar Rasi Kerajaan. Oleh yang demikian lokasi pendedarannya hendaklah teratur dan sempurna serta selamat.	Lokasi-lokasi tempat pendedaran Pelita Brunei telah dikaji semula. Ini adalah untuk mengalspasti lokasi-lokasi baru yang boleh ditambah dari yang asal. Adanya pemambahan ini lebih banyak masyarakat ramai akan boleh mendapatkan naskah pelita brunei di kawasan tempat masing-masing
27	Meningkatkan keperluan latihan-latihan yang konsisten sepanjang tahun bagi setiap pegawai dan kakitangan		✓	Objektif: - Meningkatkan kemahiran pegawai dan kaitangan - Untuk menggalakan kakitangan agar mampu menjadi lebih baik melalui pembelajaran berterusan Rasional: - Adanya kemahiran yang diperolehi akan keyakinan diri dalam menjalankan tugas seharian	Keperluan latihan sangat penting dalam meningkatkan kapasiti tenaga manusia dalam sebuah organisasi. Unit latihan dan Penyelidikan jabatan telah mempergiatkan kursus dan mengendalikan latihan secara dalaman (in-house) kepada pegawai dan kakitangan Kursus in-house telah dilaksanakan mengikut keperluan latihan yang diperlukan oleh jabatan.
JABATAN BIRO KAWALAN NARKOTIK					
28	Menjalankan Perancangan Strategik Biro Kawalan Narkotik 2006-2015		✓	1. Perancangan strategik Biro Kawalan Narkotik ini dirangka bagi penyelarasan dengan perancangan strategik Jabatan Perdana Menteri seperti yang digariskan didalam buku "ASTRATEGIC PLANNING FRAMEWORK FOR TAHE PRIME MINISTER'S DARUSSALAM (2005-2015) 2. Biro Kawalan Narkotik telah membuat semakan semula terhadap penunjuk prestasi utama atau "key performance indicator (KPI)" dan sasaran bersesuaian dengan tugas-tugas utama jabatan ini ditambah dengan pengambilalihan Pusat Al-Islah daripada Jabatan Penjara pada Februari 2008.	2. Penilaian semula keatas pencapaian Perancangan Strageik ini dapat memeberikan hala tuju kepada perjalanan masa depan Biro Kawalan Narkotik Strategik pencegahan dipergiatkan dan disusun atur bagi mendapatkan pulangan atau impak yang signifikan kepada sasaran pengukuran prestasi. Penunjuk Prestasi Utama atau Keh Performance Indicators (KPI) dapat membantu menjelaskan sasaran kejayaan dan penambahbaikan yang hendak dicapai Biro Kawalan Narkotik.

29	Meningkatkan Keberkesanan Proses Pengumpulan Data	✓	<p>Kepentingan kepada Cawangan Penyelidikan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memperolehi data yang lengkap dan tepat - Data diperolehi pada masa yang ditetapkan <p>Kepentingan Kepada Jabatan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan cemerlang - Dapat memberikan data-data terkini kepada Jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang memerlukan <p>Kepentingan kepada Pelanggan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Data terkini dapat diberikan pada masa yang ditetapkan 	<p>BKN menugaskan dua orang PB untuk bertugas secara bergilir pada sebelah pagi dan petang setiap hari di daerah Brunei Muara yang mana masing-masing dimestikan menyediakan laporan khas PB (ini bermakna 2 laporan dipanjangkan kepada unit Data pada setiap hari), sementara cuma seorang PB sahaja ditugaskan di setiap daerah yang juga dikehendaki untuk menyediakan laporan khas PB 9bagidaerah-daerah cuma 1 laporan sahaja dikehendaki untuk dipanjangkan kepada Unit Data pada setiap hari)</p> <p>Dari dipanjangkan PB, Unit Data sepatutnya menerima sebanyak 5 Borang Khas PB setiap hari iaitu 2 borang dari daerah BM dan satu borang bagi daerah-daerah yang lain.</p> <p>Masalah berbangkit apabila laporan PB lewat diterima dan tidak dihantar langsung oleh PB yang ditugaskan kecuali setelah diminta. Ini menimbulkan masalah seperti data yang dikumpulkan tidak tepat dan lengkap. Unit Data tidak dapat mengemaskini serta menyediakan statistik dan laporan terkini mengenai aktiviti-aktiviti dadah di Negara Brunei Darussalam.</p> <p>Pihak Unit IT, cawangan Penyelidikan telahpun memberikan latihan emel dan komputer kepada semua PB yang terlibat. Disebabkan tugas PB hanya purata sebulan sekali bagi setiap pegawai, kebanyakannya mudah lupa akan tatacara penggunaan emel dan resize gambar kerana penggunaan emel di BKN hanya berkapasiti 2MB sahaja.</p>
30	Pengurusan Pembayaran Gaji dan Elaun Bersistematik	✓	<p>Mensifarkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pegawai dan kakitangan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan</p> <p>Meningkatkan reputasi dan kredibiliti jabatan khususnya Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.</p> <p>Selaras dengan perancangan strategik Biro Kawalan Narkotik</p>	<p>Kurangnya pemantauan daripada Ketua bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan tidak ada bahan rujukan bagi membuat sesuatu tindakan terhadap pegawai dan kakitangan yang bercuti lebih dari 30, mengikut skim LDP, cuti beranak, cuti tanpa gaji dan lain-lain yang berkaitan mengakibatkan gaji dan elaun terus dibayar.</p>
31	Menguuhkan kawalan di pintu keluar dan masuk Negara Brunei Darussalam	✓	<p>Untuk menyekat pengaliran kemasukan dadah ke negara ini, Biro Kawalan Narkotik telah meningkatkan aktiviti pengawalan sempadannya dengan menepatkan pegawai-pegawai secara tetap dan berkala di semua pos kawalan di pintu-pintu masuk ke Negara Brunei Darussalam seperti Lapangan Terbang Antarabangs Berakas, Kuala Labu, Temburong, Kuala Lurah dan terminal Feri, Serasa, Muara.</p>	<p>Biro Kawalan Narkotik mengambil inisiatif bagi mencapai visi dan misi jabatan dengan menambahkan prosedur operasi dan sistem pemeriksaan dan peroperasian di Pos-pos Kawalan di Negara Brunei Darussalam selaras dengan prosedur yang dibuat oleh agensi penguatkuasaan undang-undang di luar negara</p>
32	Penambahbaikan Skim Pengawasan, Cawangan Pengawasan	✓	<p>Selain mengendalikan program yang sedia ada, Biro Kawalan Narkotik melalui Cawangan Pengawasan menambahbaik dan meningkatkan lagi perkhidmatan sesuai dengan keadaan semasa, ini termasuklah menggunakan sepenuhnya pendekatan psikologi dan kaunseling dalam membantu Orang Yang Dibawah Pengawasan (OYDP)</p>	<p>Unit Psikologi, Cawangan Pengawasan telah membuat kajian mengeneai alat (tools) dan penilaian (assessments) yang diiktiraf di luar negara. Penilaian mendapati boleh dgunakan bagi Cawangan Pengawasan kearah menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan. Penilaian tersebut membantu menyediakan maklumat yang diperlukan seperti menilai tahap permasalahan OYDP, mengetahui sejarah OYDP dalam hal penyalahgunaan dadah. Hasil penilaian tersebut dapat menjelaskan matlamat dan fokus rawatan dan pemulihan yang sesuai bagi OYDP tersebut.</p> <p>Bidang kaunseling dalam membantu membuat penerokaan terhadap permasalahan OYDP agar mereka mendapat kesedaran diri dan keyakinan untuk mengamalkan sikap yang positif dan mencapai matlamat.</p>
33	Memberikan Ceramah dan taklimat anti-dadah disemua peringkat institut pendidikan.	✓	<p>Meningkatkan pemahaman dan kesedaran tentang bahaya dadah</p>	<p>Penerangan tentang bahaya dadah dari peringkat rendah hingga peringkat menengah dan tinggi</p>
34	Memberikan Ceramah dan taklimat anti-dadah kepada Masyarakat dan orang awam	✓	<p>Meningkatkan pemahaman dan kesedaran tentang bahaya dadah</p>	

35	Menerbit dan menyebarkan promo anti dadah di pelbagai media massa: - Televisyen - Radio - Suratkhbar - Role model - Media Sosial - Poster / Billboard			✓	~ Untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran akibat penyalahgunaan Dadah, pengedaran dan sindiket Dadah ~ Untuk meningkatkan pengetahuan kepada umum tentang peraturan-peraturan undang-undang yang berkaitan dengan Dadah	Menyebarkan informasi dan memberikan pengetahuan tentang bahaya dadah dengan menggunakan platform media massa yang terkini, cepat dan berkesan
36	Memberikan Perkhidmatan Pengambilan Contoh Air Kencing secara Rambang (Urine Screening)			✓	~ Sebagai langkah pencegahan awal. ~ Untuk menjadikan persekitaran tempat kerja, institusi pengajian, maktab-maktab dan sekolah-sekolah bebas dari gejala dadah	Membuat ujian kencing secara rambang dengan memaklumkan kepada semua agensi-agensi Jabatan-Jabatan kerajaan, swasta-swasta dan sekolah-sekolah mengenai perkhidmatan pengambilan contoh air kencing melalui media massa.

JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT

37	Cadangan Penyusunan Semula Struktur Organisasi Jabatan			✓	Mengoptimasikan penggunaan sumber tenaga manusia secara menyeluruh disamping untuk meningkatkan kepakaran pegawai tersebut supaya lebih tersusun dan sistematik.	Jawatan Pegawai Perhubungan Awam berperanan untuk memberikan perkhidmatan di dalam melakukan Siaran Akhbar, 'Focal Person' kepada Jabatan bagi perkara-perkara yang melibatkan dengan Jabatan. Berhubung rapat bersama dengan media-media kerajaan dan swasta. Pada masa ini Pegawai Perhubung Awam yang dilibatkan sepenuhnya kepada semua aktiviti di bahagian Pejabat Yang Di-Pertua. Walaubagaimanapun perkara ini perlulah diteliti akan tugas dan tanggungjawab yang perlu dipikul memandangkan jawatan Pegawai Perhubungan Awam tidak ada mempunyai Pembantu ataupun Penolong. Dalam pada itu juga kekurangan dari segi equipment pengambaran seperti 'camera' amatlah juga menyukarkan dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab.
38	Program Latihan Pembangunan Sumber Tenaga Manusia			✓	Untuk meningkatkan disiplin, membangun nilai-nilai positif dalam jiwa pegawai dan kakitangan Jabatan ini. Lanya juga untuk meningkatkan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran secara profesional, cekap dan berkesan agar lebih bertanggungjawab selaras dengan kehendak Visi dan Misi Jabatan ini.	Program Latihan Pembangunan Sumber Tenaga manusia difokuskan kepada semua peringkat melalui program latihan yang ditawarkan daripada insitut Perkhidmatan Awam melalui i-learn. Sekurang-kurangnya program ini dilartkan sepenuhnya bagi kakitangan yang baru berkhidmat di jabatan ini sebagai panduan pengurusan di dalam perkhidmatan awam. Fokus latihan bagi tahun 2012-2013 sekurang-kurangnya seramai 70% pegawai dan kakitangan berdasarkan kepada keperluan jabatan akan dihantar untuk menghadiri program latihan.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

39	Penyediaan garispuan Rancangan Penggantian	✓			Garispuan ini dijadikan sebagai bahan rujukan mengenai Rancangan Penggantian yang boleh digunakan oleh Jabatan dan Kementerian.	Rancangan Penggantian yang merupakan sebagai platform 'asuhan' Pegawai-Pegawai perlulah di institutionlaised di peringkat keseluruhan Pehidmatan Awam. Rancangan Penggantian perlu di berikan perhatian sewajar dan sepenuh masa bagi memastikan Perkhidmatan Awam tidak ketandusan Pegawai-pegawai yang berpontesi untuk menjawat jawatan kanan bila smpai waktunya
40	Penyediaan 20 kerta kerja yang akan dihadapkan ke Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan (JTG)	✓			Memastikan Perkhidmatan Awam mempunyai jawatan-jawatan yang relevan dengan kehendak semasa	Skim Perkhidmatan diadakan bagi mewujudkan satu aliran kerjaya yang lebih teratur dan mantap dengan memberikan keutamaan kepada penghasilan perkhidmatan yang berkualiti dan berdaya saing selaras dengan kehendak mas kini. Skim Perkhidmatan menumpukan perhatian khusus kepada pembangunan kapasiti penjawat awam dalam bermacam bentuk termasuk kursus, latihan, bengkel dan program profesional
41	Penyediaan sebanyak 8 kertas kerja mengenai syarat	✓			membuat pembaharuan keatas dasar dan peraturan perkhidmatan awam dari semasa kesemasa	Menyediakan Kertas Cadangan dalam usaha megenalpasti masalah yang dihadapi masakini dan memberikan cadangan pembaikan
42	Penyediaan 2 Kertas Kerja mengenai dasar baru	✓			Membuat pembaharuan keatas dasar dan peraturan perkhidmatan awam dari semasa kesemasa	Menyediakan Kertas Cadangan dalam usaha mengealpasti masalah yang dihadapi masakini dan memberikan cadangan pembaikan

43	Penyediaan 4 Kertas Kerja mengenai struktur organisasi	✓		<p>Bagi meneliti keperluan penstrukturan organisasi sesebuah Kementerian atau Jabatan agar ianya sejajar dengan keperluan sebenar Kementerian atau Jabatan mengikut kehendak-kehendak persekitaran peredaran masa.</p>	<p>Bertanggungjawab dalam proses penelitian dan kebenaran penyusunan semula struktur organisasi Kementerian/Jabatan/agensi kerajaan.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, ianya adalah khusus bagi penstrukturan organisasi yang melibatkan pertambahan perbelanjaan atau pertambahan jawatan termasuk pengwujudan gelaran jawatan baru yang belum ada dalam Perkhidmatan Awam.</p>
44	Peraksanaan Audit Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam	✓		<p>Menilai dan menyukat semula keperluan kakitangan di setiap agensi Kerajaan untuk memastikan jumlah kakitangan yang OPTIMA.</p> <p>Memastikan keramaian tenaga kerja yang bertepatan (rightsizing); penempatan yang taratur dan sempurna (Better Deployment);</p> <p>Mengurangkan pembaziran tugas dan tanggungjawab yang bertindih-tindih (Reduce Wastages and Duplications);</p> <p>Membantu mengenalpasti keperluan mengemaskini/mewujudkan Skim Perkhidmatan;</p> <p>Keperluan mengemaskini/menyelaraskan struktur organisasi;</p> <p>Keperluan mengisikan jawatan-jawatan kosong dan kursus/latihan diperlukan</p>	<p>Menemuduga sebahagian daripada kakitangan untuk mendapatkan dan mengumpulkan maklumat/data</p> <p>Menganalisa maklumat/data yang ada.</p> <p>Menyediakan laporan hasil pengauditan untuk dihadapkan ke Jawatan Pandu Peraksanaan Audit Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam (JK Pandu) bagi pengesahan dan ketetapan lanjut.</p>
45	Penyediaan Buku garispuandu dan Tatacara Peraksanaan Pengauditan Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam Bagi Agensi-agensi Kerajaan	✓		<p>Menyediakan panduan terutama kepada agensi-agensi kerajaan dalam melaksanakan pengauditan tenaga manusia yang bersistematis dan teratur.</p> <p>Memberi kefahaman tentang tatacara peraksanaan pengauditan tenaga manusia dengan lebih menjadikannya sebagai bahan rujukan.</p>	<p>Buku panduan yang telah mendapat endorsement akan dibekalkan kepada agensi-agensi kerajaan bagi kegunaan dan rujukan melaksanakan audit dalaman tenaga manusia</p>
46	Majlis Pelancaran Buku Garispandu Peraksanaan Rancangan Penggantian Dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam	✓		<p>Memberikan penjelasan lebih lanjut mengenai dengan tatacara peraksanaan Rancangan Penggantian.</p>	<p>Buku ini dihasratkan untuk dijadikan panduan mengenai kaedah-kaedah penilaian, pembentukan model kompeasi dan pewujudan pengkalan data Rancangan Penggantian bagi memastikan kesinambungan perancangan sumber manusia yang berkualiti dan berpotensi serta meningkatkan ketelusan (Transparency) di kalangan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan</p>
47	Penilaian proses kerja berkenaan dengan melapor bertugas bagi jawatan gunasama & bukan gunasama	✓		<p>memudahkan bagi Pegawai dan Kakitangan yang berjawatan bukan gunasama untuk melapor diri bertugas</p>	
48	Program pengajian di luar Negara bagi Institut Pengajian Tinggi dalam Negeri	✓		<p>Penilaian semula mengenai pembereian kemudahan kepada pegawai & kakitangan yang dianugerahkan LDP.</p>	
49	Proses Persaraan	✓		<p>Proses persaraan yang lebih cekap dengan adanya maklumat yang lengkap</p>	<p>Penyediaan Bnorang Pengesahan Hutang Piutang</p>
50	Taklimat Peraturan-Peraturan Am Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83	✓		<p>Memberikan pengetahuan mengenai tindakan tatatertib kepada pegawai-pegawai Kerajaan</p>	<p>Menyampaikan taklimat kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Pada tahun 2012, sebanyak 12 sesi taklimat telah dibuat. Manakala pada tahun 2013, sebanyak 10 kali, dan tahun 2014 sebanyak ?? Kali ia diadakan.</p>
51	Menyediakan buku panduan tindakan tatatertib	✓		<p>Menyelaraskan proses-proses peraksanaan tindakan tatatertib</p>	<p>Mencetak Buku Panduan Tindakan Tatatertib</p>
52	Penyediaan buku Panduan perumahan kerajaan	✓		<p>Menyebarkan peraturan sebagai garispuandu kepada Kementerian/Jabatan bagi memudahkan unit perumahan dalam pentadbiran/pengurusan hal ehwal perumahan sebagai rujukan</p>	<p>Mencetak Buku Panduan Perumahan Kerajaan</p>
53	Pengesahan Data (Data Verification)	✓		<p>Membolehkan pegawai dan kakitangan untuk meneliti, mengesahkan dan membetulkan jika perlu data peribadi, perkhidmatan dan baki cuti mereka melalui GEMS samaada dengan menggunakan akses Intranet (EG bandwidth atau One Government Network) ataupun Internet; dan</p> <p>Membolehkan pengguna dengan peranan HR melihat maklumat terkini pegawai dan kakitangan dan juga membuat perubahan bagi mana-mana maklumat yang tidak betul didalam GEMS setelah proses Pengesahan Data dijalankan</p>	<p>Projek Pengesahan Data GEMS adalah satu projek yang melibatkan keseluruhan Kementerian dan Jabatan-Jabatan dibawahnya</p>

54	Perakuan Dasar Keselamatan Data didalam GEMS	✓		<p>Bagi memastikan yang kerahsiaan maklumat Kerajaan dan GEMS dipatuhi oleh semua pengguna GEMS</p> <p>Bagi memastikan kesemua pengguna GEMS tidak terkecuali dalam membuat perakuan keatas semua dasar-dasar yang mengawal keselamatan data didalam pengkalan data GEMS</p>	Salah satu inisiatif bahagian GEMS, Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memastikan semua pengguna GEMS memahami dan menyetujui dasar-dasar yang terkandung didalamnya Dasar Keselamatan Data. Kini perakuan Dasar Keselamatan Data tersebut diaksas dan dilaksanakan secara online melalui sistem GEMS.
55	Aplikasi Mobile GEMS bagi Android dan IOS.	✓		Membolehkan pemohon dan pegawai yang membenarkan mengakses GEMS bukan sambungan interanet dan internet malahan juga kini dengan kemudahan aplikasi mobile.	Aplikasi ini membolehkan warga Perkhidmatan Awam memohon cuti serta kebenaran keluar negeri melalui telefon bimbit sekaligus diberi kebenaran dari pegawai yang membenarkan melalui mobile.
56	memuatnaik manual GEMS kedalam laman sesawang JPA	✓		Bagi memberikan kemudahan kepada pengguna GEMS dengan merujuk kepada manual-manual yang dimuatnaik dalam salah satu usaha untuk meningkatkan penggunaan GEMS	salah satu daripada inisiatif dalam peningkatan penggunaan GEMS adalah dengan menyediakan manual-manual yang dimuatnaik ke laman sesawangan JPA bagi modul-modul dan aplikasi-aplikasi GEMS yang sedang digunapakai yang bertujuan sebagai rujukan kepada setiap pengguna (pengguna dan pengguna HR)
57	Program AI-Insyirah	✓		<p>Program yang dikhususkan bagi klien-klien Bahagian Perkhidmatan Kaunseling</p> <p>Mengadakan kaunseling kelompok bagi klien-klien Bahagian Perkhidmatan Kanuseling</p>	<p>Program ini di adakan bagi klien-klien Bahagian perkhidmatan kaunseling yang sedang dan telah selesai menghadiri sesi kanuseling</p> <p>Program berunsurkan takliman dan aktiviti yang memfokuskan kepada kaunseling kelompok, berfikir positif, penetapan matlamat dan kerja berpasukan.</p>
58	Program Dokongan Perkhidmatan Awam	✓		Salah satu inisiatif Bahagian Perkhidmatan Kaunseling (BPK) di dalam mempertingkatkan produktiviti pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam melalui perkhidmatan kaunseling, ianya bertujuan supaya pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam dapat mempertingkatkan produktibiti dan merancang kemajuan kerjaya dengan menggunakan sepenuhnya potensi diri secara positif dan proaktif.	Program ini telah dilaksanakan melalui taklimat tentang fungsi perkhidmatan kaunseling di dalam membantu mempertingkatkan kerjaya pegawai dan kakitangan warga perkhidmatan awam. Dan diikuti dengan mengadakan sesi perbincangan (secara persendirian dengan warga perkhidmatan awam yang menghendaknya)
59	Pembentukan Modal Kompetensi bagi JPA	✓		Pengurusan berasakan kompetensi mengenai sejarah perkhidmatan awam di negara ini	<p>Untuk mempertingkatkan lagi pencapaian jabatan dalam memastikan misi & visi dapat dicapai dengan lebih terarah & teratur bertepatan kepada jangkaan masa yang di khendaki.</p> <p>Membantu dalam membuat performance pool bagi JPA.</p> <p>Membantu dalam perlaksanaan rancangan penggantian.</p>
60	Pelancaran Buku Kegemilangan Perkhidmatan Awam	✓		Memberikan maklumat mengenai sejarah perkhidmatan awam di Negara ini	Buku ini mengandungi sejarah-sejarah perkhidmatan awam dari awal pertubuhannya sehingga kini.
61	Pelancaran Buku Peranan dan Tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam	✓		Untuk memperkenalkan fungsi dan tanggungjawab Jabatan secara menyeluruh, termasuklah fungsi-fungsi setiap bahagian di Jabatan ini	Buku ini telah dilancarkan pada 2013
62	Projek Digitasi	✓		Untuk memudahkan pegawai dan kakitangan merujuk (fail peribadi dan lain-lain) dan untuk mengurangkan penggunaan ruang tempat penyimpanan fail	Majlis penandatanganan projek digitasi telah diadakan pada khamis, 17 Oktober 2013 di antara Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Syarikat GAS SECURE Data Solutions Sdn. Bhd
